



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	28/4/2021	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Jangan ceroboh rentis TNB

Utusan Malaysia - Ekonomi 28/4/2021 ml 35

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) meminta pemaju projek untuk tidak melakukan kerja-kerja terlahu ham-pir dengan kawasan izimlahu rentis talian penghantaran ting-ginya untuk mengelakkan ke-jadian percikan arka yang boleh mengganggu kestabilan sistem Grid Nasional.

TNB dalam satu kenyataan memberitahu, kerja-kerja di dalam kawasan rentis TNB juga dilarang sama sekali kerana risiko percikan arka dan ren-jatan elektrik serta gangguan bekalan kepada sistem Grid Na-sional adalah lebih tinggi.

Ketua Pegawai Grid TNB, Da-tuk Ir. Husaini Husin berkata, ti-ada kerja-kerja boleh dilakukan dalam kawasan izimlahu tanpa kebenaran TNB.

“Janganih menceroboh ka-wasan rentis TNB. Maklumkan kepada kami jika perlu men-jalankan kerja di dalam kawasan itu.
“Bagi pihak yang telah me-



TIADA kerja-kerja boleh dilakukan dalam kawasan izimlahu tanpa kebenaran TNB.

nerima kebenaran TNB untuk bekerja di dalam kawasan itu, perlu berhati-hati bagi menge-lakkan percikan arka dan sis-tem bekalan elektrik tempelantik hingga menyebabkan ketidadaan bekalan pada kawasan yang luas,” katanya dalam kenyataan.

Beliau menekankan, per-ci-kan arka yang berlaku bukan sahaja boleh menyebabkan ke-hilangan harta, malah nyawa pelaku itu sendiri.

Menurut Husaini, pihaknya telah mengesan tiga percikan arka menara penghantaran TNB

di Seberang Perai, Pulau Pinang; Klang dan Subang Jaya, Sela-nor yang berlaku baru-baru ini. Ujarnya, kejadian itu telah menyebabkan sistem terpelan-tik dan operator kren yang terli-bat mengalami renjatan elektrik yang mengakibatkan kecede-raan serius dengan kelecuran tahap satu.

“Pihak pemaju projek yang sama telah gagal mematuhi nasihat TNB walaupun notis dan amaran telah dikeluarkan kepa-da pihak pemaju berkenaan.

“Jika pemaju terus-menerus tidak mengendahkan notis dan amaran dari TNB, gangguan bekalan mungkin akan ber-laku lagi yang sekaligus boleh menjejaskan ramai pengguna di kawasan yang terlibat,” tam-bahnya.

TNB menjelaskan, apa-apa perubahan yang menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana pepasa-ngan adalah satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara se-hingga lima tahun atau kedua-duanya.